

Anwar ugut saman Samy RM100 juta
Malaysiakini.com
Apr 30, 2008

Selepas siri-siri saman terhadap beberapa tokoh BN, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak terlepas menghadapi tindakan perundangan itu terhadap presiden MIC berhubung satu berita di sebuah akhbar harian dua minggu lalu.

samy vellu 010307Penasihat PKR menuntut Datuk Seri S Samy Vellu memohon maaf dan menarik kenyataannya di Berita Harian pada 15 April yang menyebut, antaranya, Anwar menggalakkan "penyokongnya menggunakan pelbagai taktik kotor pada pilihanraya umum" dan "negara akan lebih aman dan makmur jika tiada kelibat manusia seperti Anwar."

Peguam mantan timbalan perdana menteri itu, Sankara Nair berkata jika Samy Vellu gagal berbuat demikian dalam tempoh 48 jam, beliau akan memulakan saman bagi menuntut RM100 juta.

Surat tentang perkara ini diserahkan kepada presiden MIC semalam.

Dalam akhbar tersebut, Samy Vellu juga dilaporkan berkata Anwar "menggunakan ugutan, tekanan, paksaan dan menakut-nakutkan pengundi bagi menjamin kemenangan calon pembangkang."

Bekas menteri kerja raya itu dipetik sebagai: "saya sudah lama kenal dia. Ini cara mereka meraih undi."

Selain Samy Vellu, Anwar juga mengambil tindakan saman terhadap pemimpin-pemimpin MCA, Gerakan dan Umno, termasuk mantan ketuanya Tun Dr Mahathir Mohamad.